

MAHATHIR-LUAR

(1)

OLEH REJAL ARBEE DAN A. RAHMAN SULAIMAN

1982

KUALA LUMPUR, 15 JULAI (BERNAMA) -- TEKANAN PERUBAHAN DALAM DASAR LUAR YANG DIPERKENALKAN OLEH KERAJAAN SETAHUN LALU TELAH MULA MENUNJUKKAN TANDA-TANDA POSITIF, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI.

DALAM TEMURAMAH SEMPENA ULANGTAHUN PERTAMANYA SEBAGAI PERDANA MENTERI, BELIAU BERKATA MALAYSIA KINI TELAH MENGENALI +LEBIH RAMAI ORANG DENGAN LEBIH MESRA LAGI DAN BOLEH BEKERJASAMA DENGAN MEREKA+.

+PADA FIKIRAN SAYA KESELURUHANNYA DASAR LUAR YANG TELAH KITA RANGKA ADALAH BAIK UNTUK KITA KERENA IA MERUPAKAN SATU DASAR YANG LEBIH POSITIF+, KATANYA KETIKA DITANYA TENTANG PENILAIANNYA MENGENAI KEJAYAAN DASAR LUAR NEGARA SELEPAS SETAHUN MENTADBIR NEGARA.

DI BAWAH TEKANAN BARU ITU, HUBUNGAN DENGAN LAIN-LAIN NEGARA DIJALIN MENGIKUT KEUTAMAAN NEGARA-NEGARA ITU DENGAN NEGARA-NEGARA ASEAN MENDUDUKI TEMPAT PERTAMA DALAM SENARAINYA.

INI DIKUTI OLEH NEGARA-NEGARA ASIA BARAT, NEGARA-NEGARA BERKECUAL I DAN COMMONWEALTH.

--LAGI 1550/AN

B614

MAHATHIR-LUAR 2 KUALA LUMPUR

DI SAMPING ITU, TEKANAN YANG LEBIH JUGA DITUMPUKAN BAGI MEWUJUDKAN HUBUNGAN DUA HALA DENGAN NEGARA-NEGARA YANG BARU MERDEKA SEPerti YANG TERDAPAT DI KAWASAN PASIFIK.

KATANYA +KITA MENDAPATI BAHAWA HUBUNGAN DUA HALA TELAH MEMBOLEHKAN KITA MENGENALI LEBIH RAMAI ORANG DENGAN LEBIH RAPAT LAGI, TAHU AKAN MASALAH MEREKA DAN BOLEH BEKERJASAMA DENGAN MEREKA, SEDANGKAN HUBUNGAN BERBAGAI HALA SEPerti YANG DIAMALKAN DI MASA LALU TIDAK DAPAT MELAHIRKAN KEMESRAAN DAN PERSEFAHAMAN SEPerti ITU+.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA WALAUPUN PADA HAKIKATNYA MALAYSIA KINI MENGUTAMAKAN HUBUNGAN YANG LEBIH BERMAKNA LAGI DENGAN NEGARA-NEGARA LAIN DARI SEGI PELABURAN, PERDAGANGAN, KERJASAMA EKONOMI DAN SEBAGAINYA NEGARA INI TIDAK PULA MENGENEPIKAN LAIN-LAIN ASPEK HUBUNGAN ANTARABANGSA.

--LAGI 1551/AN

B615

MAHATHIR-LUAR 3 KUALA LUMPUR

+KITA TIDAK LUPA TENTANG PERLUNYA BERPEGANG KEPADA SESUATU IDEAL, IDEAL-IDEAL DUNIA SEPerti KONSEP BERKECUALI DAN SEBAGAINYA. TETAPI DI WAKTU YANG SAMA, KITA MESTILAH MENGHADAPI KENYATAAN,+ TAMBAHNYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MENAFIKAN DAKWAAN BAHAWA DALAM HUBUNGAN DENGAN CANADA, AUSTRALIA DAN NEW ZEALAND, MALAYSIA MUNGKIN TERDORONG MENGGOLONGKAN NEGARA-NEGARA ITU SAMA SEPerti BRITAIN, YANG HUBUNGAN ANTARA KEDUA-DUANYA AKHIR-AKHIRNYA INI AGAK KURANG MEMUASKAN.

+HUBUNGAN KITA DENGAN LAIN-LAIN NEGARA DIDASARKAN KEPADA PENGALAMA
N
KITA DENGAN NEGARA-NEGARA ITU, BUKAN KEPADA PENGALAMAN DENGAN
BRITAIN+, KATANYA.

PERDANA MENTERI JUGA MENGECEM AMERIKA SYARIKAT ATAS KETIDAK-
PEKAANNYA TERHADAP GESAAN MALAYSIA BERHUBUNG DENGAN JUALAN SIMPANAN
TIMAH NEGARA ITU.

+RASA SAYA MEREKA DI WASHINGTON TIDAK PEKA LANGSUNG MALAH
JAHIL TENTANG MALAYSIA+.

--LAGI 1555/AN

MALAYSIA-LUAR 4 KUALA LUMPUR

+PADA FIKIRAN SAYA BAGI SETENGAH-SETENGAH PEGAWAI AMERIKA,
MALAYSIA TIDAK LANGSUNG WUJUD+, KATANYA KESAL.

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI MENYATAKAN BAHAWA UMUMNYA RAKYAT
NEGARA ITU SIMPATI DENGAN MALAYSIA.

+SAYA TELAH MENEMUI BEBERAPA ORANG MEREKA DAN SETENGAH-SETENGAHNYA
MENDAKWA MEMPUYAI HUBUNGAN RAPAT DENGAN PARA PEMIMPIN MEREKA.
TETAPI SEHINGGA INI SAYA MASIH MENUNGGU KEPUTUSANNYA,+ KATANYA
SEBAGAI TANDA SESUATU SEDANG DILAKUKAN UNTUK MEMUJUK WASHINGTON
BERLEMBUT MENGENAI PERKARA ITU.

MENGENAI PERGERAKAN NEGARA-NEGARA BERKECUALI, DATUK BERI DR.
MAHATHIR BERKATA MALAYSIA AKAN MENERUSKAN PENGLIBATANNYA DALAM
PERGERAKAN TERSEBUT MEMANDANGKAN KEPENTINGANNYA YANG TERSENDIRI.

BAGAIMANAPUN, BELIAU TIDAK DAPAT MENYATAKAN SAMA ADA AKAN
MENGHADIRI SIDANG KEMUNCAK NEGARA-NEGARA BERKECUALI YANG AKAN DATANG
DI BAGHDAD DALAM BULAN SEPTEMBER KERANA KEPUTUSAN MENGENAI BELUM
DIBUAT.

--DERNAMA 1358/AN